



# **KENYATAAN MEDIA**

## **INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**

### **SESI MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA IYRES DAN YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA**

---

Satu memorandum persefahaman (MOU) kerjasama strategik antara Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) telah berlangsung hari ini secara atas talian melalui aplikasi Zoom.

MoU ini ditandatangani oleh YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES dan YBrs. Kol. Bersekutu (PA) Ts. Mohd Muzzammil Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Peneraju, disaksikan oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Ahli Lembaga Pengarah IYRES dan YBrs. Dr Amina Joesetta Kayani, Pengarah Strategi dan Perhubungan, Yayasan Peneraju.

MoU ini merupakan satu bentuk kerjasama bersama untuk memenuhi tugas dan fungsi kedua-dua belah pihak dalam menjalankan inisiatif penyelidikan, perkongsian data dan kepakaran serta dalam penganjuran bersama program pembangunan kapasiti belia khususnya belia Bumiputera. Persidangan Meja Bulat Siri 2/ 2021 yang bertemakan Cabaran Ekonomi Belia masa kini merupakan penganjuran program bersama yang akan berlangsung pada Isnin 13 September 2021. Kerjasama ini adalah inisiatif bersama untuk mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan isu serta cabaran ekonomi akibat pandemik Covid-19 khusus kepada belia yang terkesan.

Terdahulu, satu perbincangan awal di antara Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) telah diadakan pada Rabu 20 Januari 2021, bagi memuktamadkan memorandum persefahaman (MOU) kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**  
**6 SEPTEMBER 2021**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Unit Komunikasi Korporat, IYRES  
Tel: 03 - 8871 3337**

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

##### **Mengenai Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

##### **Mengenai Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju)**

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) merupakan sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) yang memberi tumpuan kepada pengukuhan pembinaan keupayaan ke arah bakat Bumiputera yang mampan.

Antara objektif Yayasan Peneraju adalah meningkatkan kualiti, kuantiti dan keberkesanan bakat Bumiputera selaras dengan usaha kerajaan untuk memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi program pembiayaan akademik, pensijilan TVET, profesional dan spesialis.